



SIARAN AKHBAR

S.A. 2023/05/17_26 (HQ)

PMU MID VALLEY TERBAKAR: TNB GERAKKAN PASUKAN TEKNIKAL

- Punca kejadian sedang dikenalpasti, TNB giat pulihkan bekalan

Tenaga Nasional Berhad (TNB) mengesahkan kejadian kebakaran di Pencawang Masuk Utama (PMU) Mid Valley jam 10:27 pagi hari ini.

Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat sedang memadamkan kebakaran. Pasukan teknikal TNB telah pun digerakkan ke lokasi kejadian.

Kebakaran PMU tersebut menyebabkan gangguan bekalan kepada pengguna di kawasan terhad sekitar Mid Valley dan sebahagian Desa Pantai.

Punca kejadian sedang dikenalpasti dan usaha sedang giat dijalankan untuk memulihkan bekalan.

TNB mengambil langkah segera untuk pemulihan bekalan dengan sebahagian pengguna terlibat telah mendapat bekalan seawal jam 10.55 pagi. TNB sedang berusaha memulihkan bekalan kepada pengguna yang masih terkesan.

Pengguna boleh menghubungi TNB CareLine di talian 15454 untuk maklumat lanjut.

Kami memohon maaf atas segala kesulitan yang dialami oleh pengguna semasa gangguan bekalan ini.

Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 17 Mei 2023, jam 12:30 tengahari
*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 /
Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606
atau emel kami: media@tnb.com.my*